

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Kerajaan teliti keperluan



RAFIIZI ketika sidang media mengenai Prestasi Ekonomi Malaysia dan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2022 di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

#### CADANGAN PENYENARAIAN IPO PETRONAS

# KERAJAAN TELITI KEPERLUAN

Oleh Mahanum  
Abdul Aziz  
bisnes@hmetro.com.my

Putrajaya

Banyak perkara yang perlu diteliti secara terperinci membabitkan penyenaraian Petronas memandangkan ia adalah pemegang amanah (*custodian*) kepada sumber hidrokarbon dalam negara ini.

ngunan Petroleum 1974 (PDA 1974).

Menyatakan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, dalam akta itu sebenarnya ada perkara-perkara khusus seperti fungsi Petronas dalam menjaga mentadbir dan mengawal selia sumber hidrokarbon dalam negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan yang lalu, apabila Petronas menyenaraikan perniagaannya, ia hanya membabitkan per-

nianya yang tidak menyentuh bidang kuasa serta bidang tugas khusus yang ada dalam PDA 1974.

Katanya, perkara itu juga adalah di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan.

"Petronas mempunyai kedudukan yang unik yang perlu kita pertimbangkan kerana ia adalah pemegang amanah (*custodian*) sumber hidrokarbon di negara ini. (Kalau boleh diibaratkan) ia

(langkah menyenaraikan

Petronas) adalah sama seperti menswastakan Jabatan Perhutanan.

"Jadi, kita perlu melihat sama ada terdapat keperluan untuk itu dan ia perlu diteliti sebaik mungkin. Jika ada keperluan (untuk menyenaraikan), ia perlu tidak membabitkan perkara yang termaktub dalam PDA 1974," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai cadangan Ahli Parlimen Su-

bang, Wong Chen yang menyatakan kerajaan mengaji kemungkinan menyenaraikan tarawan awam permulaan (IPO) Petronas sebagai salah satu cara mengumpul wang bagi membantu mengurangkan hutang negara.

Wong Chen (PH-Subang)

ketika perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat berkata, penyenaraian Petronas itu akan memberikan suntikan tunai yang besar

bagi mengurangkan hutang negara, menyediakan lebih ketelusan kewangan dan tadbir urus yang lebih baik kepada syarikat minyak dan gas negara, sekali gus meningkatkan hasil fiskal keseluruhan bagi kerajaan.

Beliau juga mencadangkan kerajaan mengikut langkah bijak yang dilakukan oleh Arab Saudi melalui penyenaraian Saudi Arabian Oil Company (Saudi Aramco) pada 2019.